



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

**Journal of
Contemporary
Islamic Studies**

Evaluasi Peranan Hibah Amanah dalam Pengurusan Harta untuk Mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

(Evaluation of the Role of Grant Trusts in Asset Management to Achieve the Sustainable Development Goals (SDGs))

Nurzahidah Jaapar¹, Shofiyyah Moidin^{1*}, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif²

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia

²Faculty of Law, National University of Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 9 Disember 2024

Keywords:

hibah trust
property management
sustainable development goals (SDG)

Katakunci:

hibah amanah
matlamat pembangunan lestari (SDG)
pengurusan harta

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.1>

ABSTRACT

An inventive initiative to promote sustainable economic practices through property management is the hibah trust for the Sustainable Development Goals (SDGs). This study explores the conceptual structure and operational dynamics of the hibah trust, emphasising its crucial role in promoting initiatives related to the SDGs. This qualitative study employed content analysis and in-depth case study analysis. The findings were evaluated using both inductive and deductive methodologies. Results indicate that the hibah trust contributes to the SDGs in five key areas: No Poverty, Good Health and Well-Being, Quality Education, Gender Equality, and Decent Work and Economic Growth. This study emphasises the significant role of the hibah trust as a catalyst for transformative change, fostering prosperity and economic resilience for present and future generations through effective property management. Moreover, this study suggests avenues for further research to connect the hibah trust's principles with contemporary frameworks, such as wasatiyyah, rahmatan li al-'ālamīn, and Maqasid Shariah, promoting its acceptance and development nationwide.

ABSTRAK

Inisiatif inovatif pengurusan harta yang dikenali sebagai hibah amanah, menawarkan pendekatan yang menarik dan berkesan serta mempromosikan amalan ekonomi mampan melalui Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Kajian ini mengkaji struktur konseptual dan dinamik terhadap operasi hibah amanah, di samping menekankan peranan kritikal yang dimainkan dalam menggalakkan inisiatif yang berkaitan dengan SDG. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis kandungan dan kajian kes mendalam, dengan penemuan yang dinilai melalui metodologi induktif dan deduktif. Hasil kajian menunjukkan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: shofiyyah@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.1>

bahawa hibah amanah memajukan SDG dalam lima bidang utama: Tiada Kemiskinan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang Baik, Pendidikan Berkualiti, Kesamarataan Gender dan Pekerjaan yang Baik serta Kemajuan Ekonomi. Kajian ini menekankan pentingnya hibah amanah sebagai pemangkin perubahan revolusioner dalam mempromosikan kemakmuran dan ketahanan ekonomi untuk generasi kini dan masa depan melalui pengurusan harta yang efektif. Justeru, kajian ini menyediakan platform untuk penyelidikan lanjut yang boleh menghubungkan konsep hibah amanah dengan kajian moden dalam ruang lingkup wasatiyyah, rahmatan li al-'ālamīn, dan Maqasid Syariah agar membolehkan penerapannya diperluas dan diterima oleh seluruh negara.

PENDAHULUAN

Pengurusan harta merupakan satu elemen yang dititikberatkan di dalam Islam. Ia merupakan jaminan agar harta boleh dimanfaatkan dan bebas beredar dalam pelbagai keperluan kehidupan secara luas dan holistik (Hasbulah & Daud, 2015). Tuntutan ini termaktub di dalam Surah al-Nisa ayat 9 yang menegaskan agar perlunya membuat pengurusan yang bijak dalam merancang harta dan masa depan kewangan keluarga. Firman Allah SWT:

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوْا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim oleh) orang-orang (yang menjadi penjaganya), yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang daif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka; oleh itu hendaklah mereka bertaqwa kepada Allah, dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran).

Surah al-Nisa', 4: 9

Konsep pengurusan harta secara tidak langsung mengiktiraf hak pemilikan seseorang kepada golongan yang lain. Pengurusan harta yang cekap mampu menjadi ejen penggalak kepada sesebuah transaksi agar ruang lingkup peredaran harta dan kekayaan mampu dinikmati oleh kesemua masyarakat. Justeru itu, pengurusan harta yang sistematik dan teratur bertujuan untuk mengelakkan kekangan yang boleh melemahkan kegiatan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara.

Walaupun konsep pengurusan harta dilihat sangat penting dan bermatlamatkan kebaikan kepada semua, namun masih ramai dalam kalangan masyarakat yang kurang berkesedaran dan tidak berminat untuk membuat perancangan pengagihan harta dari awal (Bakar et al., 2020; Rashid & Ahmad, 2013; Rashid & Yaakub, 2010). Ia menjadi punca pertambahan harta tertunggak (Yaakob et al., 2020). Menurut Haryati Mohd Ali, Perunding Profesional Perancangan Harta Pusaka Islam As-Salihin Trustee Berhad, statistik terkini menunjukkan hampir RM90 billion nilai harta yang beku yang tidak diuruskan dengan baik oleh waris (Kamarulbaid, 2021). Jumlah ini menunjukkan peningkatan dalam harta yang tidak dituntut iaitu pada 2007 dengan jumlah RM40 billion (Rahman et al., 2018). Daripada nilai tersebut, majoritinya adalah milik orang Islam di negara kita. Sekiranya diuruskan dengan betul mampu membangunkan ekonomi umat Islam. Menurut Azhar Abdul Samat, Perunding Harta Pusaka menganggarkan hampir 95 peratus umat Islam masih tidak sedar kepentingan mengurus harta dengan betul sama ada sebelum mahupun selepas meninggal dunia (Fazlul Haque, 2020).

Melihat kepada permasalahan ini, Islam telah menggariskan kaedah dalam mengurus harta melalui hibah (Alias et al., 2014). Kaedah ini memberikan hak pemilikan harta yang sah kepada penerima dan

diiktiraf sebagai pemilikan sempurna di sisi Islam (Muda, 2008). Konsep hibah secara klasik telah diolah dan digabung dengan pengamanahan dan menjadi instrumen alternatif daripada instrumen pengurusan harta sedia ada. Hibah amanah mula mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia kerana proses yang lebih cepat dan efisien. Ia juga merupakan pemberian harta semasa hidup oleh pemilik harta kepada seseorang yang lain (Muda, 2008) sama ada kepada ahli waris mahupun bukan ahli waris. Kemampuan hibah amanah ini sesuai dilaksanakan pada masa kini kerana ia selari dengan hasrat negara dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). Justeru, kajian ini bertujuan melihat pendekatan hibah amanah yang berpotensi dalam memperkasa hasrat negara melalui SDG.

KAJIAN LITERATUR

Konsep Hibah Amanah

Hibah amanah terbentuk hasil gabungan dua akad yang berbeza iaitu akad hibah dan akad amanah (Rahim et al., 2018). Kontrak ini merupakan satu bentuk hibrid dan bukanlah hibah secara klasik (Moidin et al., 2023). Kontrak ini bermula dengan pelaksanaan akad hibah apabila pemberi hibah menyerahkan harta hibah kepada penerima. Kemudian, ia diteruskan dengan pelaksanaan akad kedua iaitu pengamanahan apabila penerima mengamanahkan harta tersebut kepada pemegang amanah.

Pembentukan kontrak hibah amanah dikira lengkap setelah penerima harta amanah melantik pemegang amanah (Halim & Bustami, 2017), sama ada dari kalangan pemberi hibah, institusi atau mana-mana individu yang diinginiya bagi menguruskan harta amanah tersebut. Secara tidak langsung pelantikan ini memberi ruang kepada pemberi hibah sebagai pemegang amanah untuk menggunakan harta tersebut semasa hayatnya selepas akad hibah amanah itu berkuat kuasa (Halim & Bustami, 2017). Dari sudut perundangan, pemegang amanah boleh menjadi pemilik secara sah (*legal ownership*) dan penerima hibah menjadi pemilik secara benefisial sebagaimana yang telah ditandatangani. Konsep ini boleh dilihat di dalam kes Lee Ing Chin & Ors lwn Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19.

Kawalan aset hibah oleh pemegang amanah dibolehkan melalui perundangan. Perkara ini dirujuk kepada syarat kedua dalam kes Milroy lwn Lord [1862] 4 De G.F. & J. Satu kenyataan telah dibuat oleh ketua hakim iaitu Turner tentang syarat pembentukan sesuatu amanah iaitu; 1) Pembuat amanah boleh memindahkan harta kepada pemegang amanah (trustee), dan 2) pemegang amanah juga boleh membuat pengisytiharan bahawa harta amanah tersebut akan diuruskan oleh pemegang amanah menggunakan konsep amanah (Halim & Bustami, 2017). Kemudian, pemegang amanah akan menyerahkan keseluruhan harta kepada penerima sehinggalah si pemberi hibah meninggal atau setelah berlakunya perkara yang dipersetujui antara pemberi dan penerima hibah.

Pelaksanaan hibah amanah dibuat atas dasar perasaan mahabbah iaitu kasih sayang (Azhar, 2018; Rahim et al., 2018) yang lahir daripada pemberi kepada penerima. Elemen ini yang mendorong pemberi untuk menyerahkan harta yang disayangi secara rela hati tanpa sebarang imbalan. Setelah kontrak ini berkuatkuasa, harta yang dihibahkan telah terkeluar daripada sistem pusaka atau faraid. Pemberian harta melalui hibah amanah menyebabkan pemilikan terhadap harta hibah telah bertukar daripada pemilikan pemberi hibah kepada penerima hibah dan berkuat kuasa ketika pemberi dan penerima hibah masih hidup. Kesan terhadap kontrak ini, mana-mana waris pemberi hibah tidak berhak menuntut harta yang secara sah telah diberikan secara hibah amanah setelah kematian pemberi hibah.

Matlamat Pembangunan Lestari

Perkataan ‘lestari’ menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) boleh didefinisikan sebagai tidak berubah-ubah, kekal dan tetap. Manakala melestarikan bermaksud menetapkan atau mengekalkan. Secara literal, idea kelestarian yang menyeluruh merangkumi aspek kelestarian sosial, persekitaran dan ekonomi

(Azman, 2019). Hasna (2007) menambah bahawa konsep kelestarian merujuk kepada satu proses yang berterusan.

SDG merupakan pelan tindakan yang dibangunkan pada 2015 oleh Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan telah dipersetujui oleh kesemua 193 buah negara anggota PBB. Ia bertujuan untuk mencapai masa depan yang lebih baik dan mampan pada tahun 2030 (United Nation, 2015). Pelan ini dibangunkan bagi menangani cabaran global yang dihadapi, termasuklah kemiskinan, ketidaksamaan, iklim, kemusnahan alam sekitar, kemakmuran, dan keamanan dan keadilan (Adenan & Ab Rahman, 2020). Rajah 1 menunjukkan teras utama dalam SDG meliputi 17 matlamat terdiri daripada 169 sasaran khusus yang merangkumi pelbagai jenis pembangunan mampan iaitu tiada kemiskinan, tiada kelaparan, kesihatan dan kehidupan yang baik, pendidikan yang berkualiti, kesaksamaan jantina, air yang bersih dan sanitasi, tenaga yang mampan, pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi, industri, inovasi dan infrastruktur, mengurangkan ketidakadilan, bandar dan komuniti yang mampan, pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab, tindakan iklim, hidup di bawah air, hidup di atas tanah, serta keamanan, keadilan dan institusi yang kuat dan kerjasama untuk mencapai matlamat (United Nation, 2015).

Rajah 1: 17 Matlamat Pembangunan Lestari



Source: United Nation (2015)

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini ialah berbentuk penerokaan dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk melihat pelaksanaan hibah amanah di semua institusi dalam pemerkasaan SDG, melalui kajian pelbagai kes. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat meneroka dengan lebih terperinci, memahami dengan mendalam dan melihat dari perspektif yang luas terhadap permasalahan yang dikaji (Creswell, 2012; Yin, 2015).

Pengumpulan data diperoleh melalui kajian kepustakaan dan analisis kandungan iaitu kajian lepas, kitab fikah muamalat, fatwa dan dokumen perundangan. Jurnal, artikel, prosiding dan risalah diperoleh daripada pangkalan data Scopus, Emerald Insight, Elsevier, EBSCOhost ebook, Lexis Advanced Malaysia, Jurnal Hukum dan Google Scholar. Kemudian, data kajian telah dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik, induktif dan deduktif.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan hasil analisis kandungan terhadap kajian kepustakaan yang dijalankan. Data telah dianalisis menggunakan kaedah induktif dan deduktif bagi membuat proses pengekodan, <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.1>

seterusnya menghasilkan tema. Analisis tematik dijalankan bagi mengkaji konsep hibah amanah dalam memperkasa SDG. Hasil daripada analisis tematik yang telah dilaksanakan, pelaksanaan hibah amanah memperkasa SDG daripada lima teras. Berikut adalah dapatan kajian yang diperoleh tersebut:

1. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 1: Tiada Kemiskinan

Pelaksanaan pengurusan harta melalui hibah amanah mampu membasmi kemiskinan dalam kalangan keluarga dan masyarakat. Seiring dengan matlamat utama SDG 1 yang bertujuan untuk membasmi setiap bentuk kemiskinan tegar. SDG 1 memfokuskan bukan sahaja kepada mereka yang hidup dalam kemiskinan, tetapi juga pada perkhidmatan yang digunakan orang ramai dan dasar sosial yang menggalakkan atau menghalang kemiskinan.

Melalui konsep hibah amanah, pemberi hibah boleh menentukan siapakah penerima harta hibah dan berapa banyak harta yang ingin dihibahkan. Penerima hibah tidak tertakluk kepada waris yang akan terhalang daripada mendapat pusaka sahaja, malah sesiapa sahaja boleh menjadi penerima hibah. Sama ada dalam kalangan ahli keluarga, mahupun sahabat, termasuk juga sekiranya penerima tersebut bukan Islam. Jumlah peratusan pelaburan yang ingin diberikan juga tidak tertakluk kepada 1/3 daripada harta pemberi. Hal ini kerana, hibah amanah mengambil konsep hibah dan bukannya wasiat. Perundangan hibah tidak mengehadkan jumlah harta yang ingin diberikan asalkan harta tersebut memenuhi syarat harta hibah iaitu milik pemberi, halal (harta *mutaqawwam*), wujud, diketahui dan boleh diserahkan, boleh dikenali atau dibezakan (Azhar, 2018; 'Abd al-Barr, 1998).

Tujuan utama pembentukan produk hibah amanah sebagai satu perkhidmatan yang boleh digunakan oleh masyarakat bagi membendung masalah kewangan dan membasmi kemiskinan dalam kalangan keluarga serta masyarakat. Tambahan pula, pemberian harta melalui hibah amanah sangat mementingkan pemberian kepada kaum keluarga agar kehidupan mereka lebih terjamin. Islam sendiri menyarankan agar seseorang tidak meninggalkan ahli keluarga dalam keadaan miskin dan meminta-minta seperti yang terdapat di dalam hadis riwayat Bukhari bernombor 2742.

2. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Yang Baik

Matlamat SDG3 bertujuan untuk memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan untuk semua pada semua peringkat umur. Sasaran SDG 3 meliputi dan memberi tumpuan kepada pelbagai aspek kehidupan sihat dan gaya hidup sihat. Melalui pelaksanaan hibah amanah, matlamat SDG 3 ini dapat diperkasa bagi menjamin kemaslahatan penerima yang terdiri daripada golongan kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU).

Hibah amanah ini dibuat bagi menjaga harta golongan yang tidak berkeupayaan seperti kanak-kanak, golongan OKU dan sebagainya. Pemberi hibah boleh meletakkan syarat kepada pemegang amanah untuk mentadbir, menjaga dan menguruskan harta seperti yang diinginya. Sebagai contoh, pemberi hibah yang merupakan ibu bapa atau penjaga kepada kanak-kanak atau golongan OKU boleh meletakkan syarat agar pemegang amanah menggunakan harta hibah untuk membiayai kos perubatan penerima hibah tersebut.

Oleh itu, secara langsung hibah amanah dapat menjamin kesihatan dan kesejahteraan kehidupan yang baik terhadap penerima hibah walaupun pemberi hibah telah pun meninggal dunia. Hal ini kerana harta tersebut telah diletakkan di bawah penjagaan pemegang amanah yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk menuruti hasrat ibu bapa atau penjaga selaku pemberi hibah.

3. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4: Pendidikan Berkualiti

Selain itu pelaksanaan hibah amanah juga mampu memperkasakan matlamat SDG 4 iaitu pendidikan berkualiti. Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, konsep pemberian melalui hibah amanah diperuntukkan untuk pemberian harta kepada golongan yang tidak berkeahlian untuk menguruskan harta

dengan baik iaitu golongan kanak-kanak dan OKU. Hal ini kerana, hibah amanah merupakan satu instrumen yang sangat baik untuk memelihara kemaslahatan golongan ini melalui lantikan pemegang amanah.

Pemegang amanah perlu melaksanakan amanah yang telah diberikan kepadanya untuk menguruskan harta penerima sebagaimana yang telah disyaratkan. Ibu bapa yang merupakan pemberi hibah boleh meletakkan syarat dan amanah kepada institusi sebagai pemegang amanah untuk menguruskan harta bagi kepentingan pendidikan penerima hibah. Antara syarat atau pengamanah yang boleh diletakkan ialah, pemegang amanah perlu menggunakan harta hibah untuk membayar yuran persekolahan serta kelas tambahan, membeli keperluan persekolahan, mengagihkan duit belanja persekolahan dan sebagainya yang membawa maksud sebagai menjamin pendidikan yang berkualiti kepada penerima hibah.

4. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 5: Kesamarataan Gender

Pelaksanaan hibah amanah boleh menjamin pengagihan ekonomi yang sama rata terhadap ahli keluarga sebagai penerima harta hibah. Konsep pengurusan harta melalui pewarisan di dalam Islam telah pun memperkenalkan kaedah *takharruj* iaitu melepaskan hak. Seseorang ahli waris boleh melepaskan hak dengan mengagihkan harta pusaka secara sama rata. Namun kaedah ini tertakluk kepada persetujuan ahli-ahli waris dan hanya akan dilaksanakan setelah berlakunya kematian pemilik harta.

Sebaliknya melalui konsep hibah amanah, pemilik harta boleh memberikan harta kepada sesiapa sahaja yang diingini dan tidak terikat dengan ketetapan kadar pemberian. Ini bermaksud, pemberi hibah bebas memberi hibah hartanya kepada penerima termasuklah dengan memberi secara sama rata dan proses pemberian ini telah berlangsung ketika hayat pemberi hibah. Cara ini dapat mengelakkan pergaduhan dalam kalangan penerima hibah kerana masing-masing mendapat bahagian yang sama rata. Rasulullah SAW di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir turut menyarankan pemberian oleh ibu bapa kepada anak-anak dibuat secara sama rata untuk mengelakkan sebarang pergaduhan dan ketidakpuasan hati yang mungkin berlaku di kemudian hari. Sekiranya mengkhususkan seorang anak dengan sesuatu pemberian, perbuatan ini boleh membawa kepada dosa ('Abd al-Barr, 1998).

Konsep hibah amanah ini sangat berkait rapat dengan matlamat SDG 5 iaitu kesamarataan gender. Menerusi Sasaran 5.A SDG 5 yang diperuntukkan agar hak sama rata kepada sumber ekonomi, pemilikan harta dan perkhidmatan kewangan. Pemberian harta melalui hibah amanah yang boleh dibuat secara sama rata telah memberi kuasa pemilikan ke atas harta hibah yang merupakan sumber ekonomi kepada penerima hibah. Ia juga menjamin kelangsungan hidup yang lebih baik terhadap keluarga dan juga masyarakat.

5. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 8: Pekerjaan Baik dan Kemajuan Ekonomi

Objektif utama pelaksanaan hibah amanah adalah untuk mengelakkan harta pusaka yang tidak diuruskan dengan baik oleh ahli waris dan akhirnya dibekukan. Rentetan daripada pembekuan aset, ia telah memberi kesan yang buruk terhadap harta tersebut serta kepada ekonomi umat Islam dan negara. Harta yang beku tidak dapat digunakan oleh waris, menyebabkan mereka hidup dalam belunggu kemiskinan. Ia juga boleh mengurangkan nilai ekonomi terhadap aset tersebut.

Sekiranya harta merupakan tanah atau rumah, pembekuan aset boleh menyebabkan tanah atau kawasan perumahan menjadi semak samun. Ia menjadi lebih terkesan sekiranya tanah tersebut berada di tengah-tengah bandar yang menyebabkan pembangunan ekonomi tidak dapat dijalankan dan memberikan imej yang buruk kepada kawasan tersebut. Secara tidak langsung, ia boleh menjejaskan kegiatan pelancongan dan memberi impak negatif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Masalah-masalah ini dapat diatasi melalui pengurusan harta yang baik ketika hayat pemilik harta dan dilaksanakan melalui hibah amanah. Ia secara tidak langsung dapat meningkatkan kemajuan ekonomi penerima hibah iaitu ahli keluarga serta membawa kesan positif terhadap kegiatan ekonomi masyarakat. Harta yang dihibahkan boleh dibuat sebarang transaksi sama ada mahu diniagakan ataupun dijaga dan

membawa kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan. Selari dengan matlamat SDG 8 iaitu menjamin kemajuan ekonomi dan di bawah sasaran 8.1 (pertumbuhan ekonomi mampan), sasaran 8.8 (melindungi hak buruh dan menggalakkan persekitaran kerja yang selamat) dan sasaran 8.9 (menggalakkan pelancongan yang bermanfaat dan mampan).

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa pelaksanaan pengurusan harta melalui hibah amanah memainkan peranan penting dalam memperkasa agenda SDG. Pelaksanaan hibah amanah menggambarkan keseimbangan dan keadilan yang diterapkan dalam sistem pengurusan harta yang digariskan dalam Islam, malah turut selari dengan elemen kelestarian dalam tonggak utama Malaysia Madani iaitu kemampanan, kesejahteraan dan ihsan.

KESIMPULAN

Islam mewajibkan umatnya untuk menjaga kehidupan selari dengan tuntutan Maqasid Syariah. Salah satu daripadanya adalah untuk menjaga harta. Terdapat banyak ayat-ayat dalam al-Quran yang menyarankan agar manusia membuat pengurusan harta dengan baik. Terdapat juga ayat-ayat yang khusus sebagai garis panduan keutamaan untuk membuat pemberian harta yang dimulai dengan keluarga dan kaum kerabat. Ayat-ayat ini menunjukkan asas kepada konsep pemberian dan persaudaraan dalam Islam yang menjadi tunjang kepada kelestarian ekonomi dan boleh dilaksanakan melalui hibah amanah.

Justeru, kajian ini mencadangkan lebih banyak lagi kajian-kajian yang dapat mengaitkan dan menghubungkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam pengurusan harta Islam melalui hibah amanah dengan kajian-kajian kontemporari dan semasa agar pelaksanaannya boleh dikembangkan dan diterima oleh seluruh negara. Antara prinsip-prinsip yang boleh dijadikan landasan kajian adalah seperti prinsip Maqasid Syariah, prinsip wasatiyyah dan prinsip rahmatan li al-‘ālamīn. Kajian seperti ini adalah sangat penting kerana ia dapat memberi pendedahan kepada masyarakat awam Islam dan bukan Islam di dalam negara mahupun luar negara bahawa Islam telah menyediakan garis panduan terhadap isu-isu semasa ini dan dapat mengetahui kaedah yang ada dalam Islam. Malah menjadi tanggungjawab penyelidik Muslim untuk mengetengahkan ajaran Islam itu sendiri kepada masyarakat keseluruhannya supaya dapat menjadikan ilmu Islam yang abstrak kepada yang lebih praktikal.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan hasil penyelidikan di bawah Geran Industri yang bertajuk Produk Hibah Amanah Di Malaysia: Amalan Industri dan Analisis Terhadap Isu-Isu Syariah Dan Undang-Undang, Kod: 100-TNCPI/PRI 16/6/2 (039/2021). Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Permodalan Nasional Berhad yang telah memberi peruntukan dan membiayai penyelidikan ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Artikel ini secara keseluruhan tidak mengandungi konflik kepentingan antara para penulis dengan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel.

SUMBANGAN PENULIS

Shofiyyah Moidin bertanggungjawab sepenuhnya menyediakan keseluruhan artikel termasuklah abstrak, pengenalan, kajian literatur, metodologi kajian, menganalisis dapatan kajian dan perbincangan, kesimpulan serta memasukkan artikel dalam templat yang disediakan. Nurzahidah binti Haji Jaapar pula menguruskan dalam aspek teknikal manakala Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif memberi sumbangan besar dalam menyumbang kerangka awal terhadap penulisan artikel.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Barr, M. Z. (1998). *Aḥkam Al-Mu‘āmalat Al-māliyah Fi Madhhab Al-Hanbālī ‘Ard Manḥājī*. Maktabah Dar al-Turath.
- Adenan, F., & Ab Rahman, A. (2020). Menjaga Keamanan Negara Menurut Perspektif Maqasid Syariah Serta Hubungannya Dengan Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals): Kajian di Malaysia. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(1), 33-47.
- Alias, A., Mohammad Azam, H., Muhammad Hafiz, B., & Fauziah, M. N. (2014). Pengurusan Harta Dalam Islam Perspektif Hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication (JoHDEC)*, 3, 115–128. <http://dspace.unimap.edu.my:80/xmlui/handle/123456789/41560>
- Azhar, A. (2018). Amalan Hibah Di Syarikat Amanah: Satu Kajian Kes Di As-Salihin Trustee Berhad the Practice of Hibah in Trust Companies: A Case Study in As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 5(1), 11–29.
- Azman, A. R. (2019). Pengurusan Institusi Zakat Berdasarkan Maqasid Syariah dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG). *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2).
- Bakar, A. A., Rapi, M. A. A. M., & Sallehuddin, M. R. (2020). Property Inheritance Management: Issues Unclaimed Property. *Webology*, 17(2).
- Creswell, J.W. (2012). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.
- Fazlul Haque, E. H. (20 Mei 2020). RM70 Bilion Harta Pusaka 'Tergantung'. *MyMetro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2020/05/583552/rm70-bilion-harta-pusaka-tergantung>
- Halim, A. H., & Bustami, T. A. A. (2017). Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia (Execution of Hibah Amanah as an Instrument of Islamic Property Management in Malaysia). *Kanun: Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 29(2), 310–335.
- Hasbulah, M. H., & Daud, M. Z. (2015). Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup Dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya. *Global Journal Al-Thaqafah*, 5(1), 119–131. <https://doi.org/10.7187/GJAT832015.05.01>
- Hasna, A. M. (2007). Dimensions of Sustainability. *Journal of Engineering for Sustainable Development: Energy, Environment, and Health*.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarulbaid, A. M. (11 September 2021). RM90b Harta Beku Tidak Dituntut. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/09/rm90b-harta-beku-tidak-dituntut/>
- Lee Ing Chin & Ors lwn Gan Yook Chin & Anor [2003] 2 CLJ 19
- Milroy lwn Lord [1862] 4 De G.F. & J.
- Moidin, S., Rani, M. A. M., Arif, M. I. A. M., Adenan, F., Saiman, M. Z., & Jamal, I. H. (2023). Vagueness in The Hibah Amanah. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 13(7), 770-782.

- Muda, M. Z. (2008). *Instrumen Hibah: Analisis Hukum dan Aplikasi di Malaysia*. Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan, Kuala Lumpur Malaysia.
- Rahim, A. K. A., Razimi, M. S. A., & Nor, M. M. M. (2018). Inovasi Instrumen Hibah Dalam Produk-Produk Kewangan Islam Di Malaysia. *Muktamar Waqf Iqlimi IV*, 1–15.
- Rahman, N. S. A., Talib, H., Ghani, N. Abd., Salam, N. Z. M. A., & Rahman, N. S. A. (2018). Pengurusan Tuntutan Harta Pusaka Dalam Kalangan Masyarakat Islam: Kajian Di Lembah Klang. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 96–117. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/59>
- Rashid, R. A., & Ahmad, N. H. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan Dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah (Hibah Wealth Management: The Important and Benefit from Various Aspects for Ummah Development). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 5(1), 91–104. www.ukm.my/jhadhari
- Rashid, R. A., & Yaakub, N. I. (2010). Masalah Kegagalan dan Kelewatan Pengagihan Harta Pusaka di Malaysia. *Jurnal Intelek*, 5(2). [//jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/8](http://jurnalintelek.uitm.edu.my/index.php/main/article/view/8)
- United Nation. (2015). The 17 Goals. United Nation. <https://sdgs.un.org/goals>
- Yaakob, A., Mohd, K. W., Hashim, H., Ghafar, A. A., Khamis, M. N., & Kamal, K. A. M. (2020). Kepentingan Pengurusan Harta dan Urus Pusaka di Malaysia dari Perspektif Perundangan dan Maqasid Syariah. *INSLA E-Proceedings*, 3(1), 689–699. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/80>
- Yin, R.K. (2015). *Qualitative research from start to finish*. 2nd Ed. New York: The Guilford Press.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).